



# AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN

## INSTITUT SUKAN NEGARA



# PROSEDUR PERMOHONAN PERSAMAAN TARAF KURSUS SAINS SUKAN TAHAP I, II DAN III

BERKUATKUASA 1 JULAI 2015

# **SKIM PENSIJILAN KEJURULATIHAN KEBANGSAAN (SPKK)**

## **PERMOHONAN PERSAMAAN TARAF SAINS SUKAN**

### **1. PENGENALAN**

Kepimpinan Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) telah diserahkan secara rasminya dibawah pentadbiran Institut Sukan Negara (ISN) dari Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) yang beroperasi sepenuhnya mulai 1 Julai 2015. Peralihan tugas ini telah diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan pada 12 Februari 2015.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) telah mewujudkan satu Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) bagi memberi pendidikan formal dalam bidang kejurulatihan sukan.
- 2.2 Skim ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu Tahap I, II dan III. Setiap tahap mengandungi komponen berikut :
  - a) Kursus Sains Sukan (KSS) (Kelolaan AKK) – dengan kerjasama Pusat Satelit Negeri dan Pihak Ketiga(3rd Party)
  - b) Kursus Sukan Spesifik / Pengkhususan Sukan - kelolaan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK)

### **3. OBJEKTIF KURSUS SAINS SUKAN**

Melatih, melengkap dan meningkatkan pengetahuan jurulatih dalam bidang Sains Sukan agar dapat memajukan lagi corak dan cara kejurulatihan untuk membantu mempertingkatkan lagi prestasi dan pencapaian sukan negara.

### **4. SYARAT DAN KELAYAKAN KURSUS SAINS SUKAN**

- 4.1 Terbuka kepada semua individu yang berminat dalam bidang kejurulatihan dan sukan.
- 4.2 Umur tidak kurang daripada 18 tahun.
- 4.3 Bagi Tahap II, peserta wajib Lulus Tahap I atau memiliki **Sijil Persamaan Taraf Tahap I** yang diiktiraf oleh AKK.
- 4.4 Bagi Tahap III peserta wajib Lulus Tahap II atau memiliki Sijil Persamaan Taraf tahap II yang diiktiraf oleh AKK.

## 5. SYARAT PERMOHONAN PERSAMAAN TARAF SAINS SUKAN

- 5.1 Kelulusan ijazah dan keatas dalam bidang Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani dari mana- mana universiti di dalam dan luar negara adalah dibenarkan untuk memohon persamaan taraf.

<b>SAINS SUKAN</b>	<b>PERSAMAAN TARAF</b>
Tahap I	Ijazah dalam Sains Sukan (Major atau Elektif) atau Pendidikan Jasmani (Major atau Elektif) atau yang setara dengannya.
Tahap II	Ijazah Sarjana dalam Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani atau yang setara dengannya
Tahap III	Doktor Falsafah dalam Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani atau yang setara dengannya

- 5.2 Umur tidak kurang daripada 18 tahun.
- 5.3 Bagi Tahap II, peserta wajib lulus Tahap I atau memiliki Sijil Persamaan Taraf tahap I yang diikiraf oleh AKK.
- 5.4 Bagi Tahap III, peserta wajib lulus Tahap I atau memiliki Sijil Persamaan Taraf tahap II yang diikiraf oleh AKK

## 6. BORANG PERMOHONAN

- 6.1 Peserta yang ingin mendapatkan pengesahan pengiktirafan perlu mengisi **Borang Persamaan Taraf Sains Sukan AKK** melalui laman web ISN.
- 6.2 Semua borang mesti dilengkapi dengan salinan Transkrip dan disertakan dengan Wang Pos atau boleh datang sendiri ke Akademi Kejurulatihan Kebangsaan.
- 6.3 Peserta yang memohon Persamaan Taraf Sains Sukan Tahap I perlu sertakan Transkrip Ijazah dalam Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani.
- 6.4 Peserta yang memohon Persamaan Taraf Sains Sukan Tahap II perlu sertakan Transkrip Ijazah Sarjana dalam Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani dan juga Sijil Kelulusan Sains Sukan tahap I atau Sijil Persamaan Taraf Tahap I
- 6.5 Peserta yang memohon Persamaan Taraf Sains Sukan Tahap III perlu sertakan Transkrip Ijazah Doktor Falsafah dalam Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani dan juga Sijil Kelulusan Sains Sukan Tahap II atau Sijil Persamaan Taraf Tahap II.

## **7. YURAN BAYARAN UNTUK SIJIL PERSAMAAN TARAF**

7.1 Yuran adalah seperti berikut :

<b>Tahap I</b>	-	<b>RM 50.00</b>
<b>Tahap II</b>	-	<b>RM 75.00</b>
<b>Tahap III</b>	-	<b>RM 100.00</b>

7.2 Pembayaran boleh dibuat melalui dua (2) cara:

- a) Menghantar sendiri borang permohonan ke Pejabat Akademi Kejurulatihan Kebangsaan berserta wang tunai.
- b) Melalui wang pos keatas nama INSTITUT SUKAN NEGARA semasa menghantar borang permohonan. Bagi permohonan yang tidak diluluskan, wang pos tersebut akan dikembalikan.

7.3 Permohonan melalui pos yang tidak disertakan wang pos tidak akan dilayan

## **8. SIJIL**

8.1 Sijil akan dikeluarkan selewat-lewatnya 3 bulan selepas permohonan diterima.

8.2 Sijil akan dikeluarkan oleh pihak AKK. Peserta dikehendaki datang mengambil sijil dari Pejabat AKK. Sekiranya peserta ingin sijil dihantar melalui pos, peserta perlu nyatakan dalam borang permohonan untuk persetujuan. Sekiranya sijil hilang semasa proses mengepos, ianya bukan tanggungjawab pihak AKK.

8.3 Peserta yang kehilangan atau kerosakan sijil harus menulis surat kepada Pengarah AKK dengan disertakan maklumat yang mudah dihubungi iaitu Nombor H/P, salinan dokumen berkaitan seperti sijil yang telah rosak, keputusan peperiksaan dan menyatakan tarikh, tempat dan kod kursus bagi memudahkan pihak AKK membuat semakan dan jika terdapat kesulitan pihak kami akan menghubungi pemohon untuk mendapatkan pengesahan.


8.4 Peserta yang ingin menukar sijil baru, mengganti sijil yang hilang atau rosak akan dikenakan bayaran sebanyak RM50.00.

8.5 Bagi kehilangan kali kedua, peserta akan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00.

8.6 Namun pihak AKK mempunyai hak untuk meluluskan gantian Sijil dan keputusan pihak AKK adalah muktamad dalam perkara 7.3, 7.4 atau 7.5.

## **9. HAL-HAL LAIN**

Pihak AKK mempunyai hak untuk menentukan Pemberian Sijil Persamaan taraf dan keputusan pihak AKK adalah muktamat.



# Sijil Persamaan Taraf

**CONTOH**

Telah memenuhi syarat yang ditetapkan  
oleh

**AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN**



## 10. **MAKLUMAT LANJUT**

Akademi Kejurulatihan Negara,  
Gimnasium 3, Aras 2,  
Institut Sukan Negara,  
Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil,  
57000 Kuala Lumpur.

Ketua Cawangan : R. Vivekanandan A/L K. Ramiah

No. Tel : 012 - 221 7621 (Hanya panggilan sahaja pada waktu  
pejabat;8 pg hingga 1 ptg, 2 ptg hingga 5 ptg)

Laman web : [isn.gov.my](http://isn.gov.my) (klik kejurulatihan)